



Headline: 195 pesara rugi RM37.67j tahun ini
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 8 October 2020

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 10

195 pesara rugi RM37.67j tahun ini

KUALA LUMPUR: Golongan pesara atau warga emas merupakan antara sasaran utama sindiket Macau Scam dalam mengaut keuntungan segera.

Sindiket bukan hanya meraih ribuan atau ratusan ribu ringgit hasil daripada memperdaya golongan tersebut malah mampu mencecah jutaan ringgit seorang.

Ini terbukti apabila dua kes di Petaling Jaya, Selangor melibatkan dua pesara guru masing-masing rugi RM1.07 juta dan RM3.8 juta apabila terjerat dengan penipuan Macau Scam, Jun lalu.


Ini terbukti melalui statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), kira-kira 195 pesara terpedaya dengan penipuan tersebut melibatkan kerugian tertinggi iaitu RM37.67 juta untuk tempoh sembilan bulan tahun ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman, Datuk Zainuddin Yaacob berkata, sejak awal Januari hingga 30 September lalu, kesemua 195 mangsa pesara terdiri daripada 100 lelaki dan 95 wanita.

Katanya, antara faktor pesara sering dijadikan sasaran sindiket kerana golongan itu mempunyai wang simpanan yang banyak serta tiada pendahan mengenai penipuan berkenaan.

“Selain itu, mereka mudah terpedaya kerana panik serta takut apabila mendapat tahu mempunyai kes atau hutang tertunggak daripada individu yang mendakwa pihak berkuasa atau Bank Negara serta mahkamah.

“Tanpa membuat pemerik-



ZAINUDDIN YAACOB

saan, mereka terus mengambil tindakan melulu mengikut apa yang diarahkan individu tersebut tanpa menyedari sebenarnya mereka diperangkap sindiket itu,” katanya.

Zainuddin memberitahu, sebanyak RM32.26 juta kerugian direkodkan melibatkan 870 pekerja swasta manakala seramai 222 individu yang tidak bekerja rugi kira-kira RM31.73 juta bagi tempoh sembilan bulan ini.

Katanya, selain itu sebanyak RM24.18 juta kerugian melibatkan seramai 242 penjawat awam serta RM13.34 juta dikaut sindiket daripada ahli perniagaan.

“Seramai 58 guru terdiri daripada 11 lelaki dan 47 wanita rugi hampir RM2.4 juga serta RM1.03 juta melibatkan pelajar,” katanya.

Tegas Zainuddin, orang ramai diingatkan tidak sesekali mendedahkan maklumat peribadi termasuk nombor kad pengenalan, akaun bank dan nombor TAC kepada orang tidak dikenali.